



JURNAL BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/rentas>

How to cite this article:

Mohd. Taha Abd. Wahab, Azhar Wahid, & Rahmanyasin Jaafar. (2026). Naratif pengurusan teknologi dalam novel terpilih Shahnnon Ahmad berdasarkan terapan teori semiotik. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastera dan Budaya*, 5(1), 1-32. <https://doi.org/10.32890/rentas2026.5.1.1>

NARATIF PENGURUSAN TEKNOLOGI DALAM NOVEL TERPILIH SHAHNON AHMAD BERDASARKAN TERAPAN TEORI SEMIOTIK

*(The Narrative of Technology Management in Selected Novels by
Shahnnon Ahmad Based on the Application of Semiotic Theory)*

¹Mohd. Taha Abd. Wahab, Azhar Wahid & Rahmanyasin Jaafar

Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi,
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

¹Corresponding author: tahamegaconsult@gmail.com

Received: 14/1/2026

Revised: 3/3/2026

Accepted: 21/3/2026

Published: 31/7/2026

ABSTRAK

Novel adalah sebahagian daripada karya kesusasteraan yang memperlihatkan kehidupan manusia. Ianya juga adalah naratif yang mengandungi peristiwa yang terwujudnya masalah dan konflik dalam watak-watak. Novel juga telah dijadikan sebagai satu platform untuk sindiran dan kritikan sosial mengenai isu-isu kepimpinan, nilai kemasyarakatan dan perubahan zaman. Kajian yang dijalankan ini adalah merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis teks dan kepustakaan. Beberapa novel Shahnnon Ahmad telah dipilih dengan tujuan membincangkan isu pengurusan teknologi dalam konteks cabaran perubahan sosial budaya di kalangan masyarakat Melayu. Teknologi bukan sahaja dihadirkan dalam bentuk peralatan dan sistem, malah menjadi lambang kemodenan. Perlambangan ini ditampilkan berdasarkan Teori Semiotik dengan menganalisis watak, perwatakan, plot dan juga dialog dalam novel-novel terpilih tersebut. Tiga karya terpilih iaitu *Sampah*, *Tivi* dan *Kemelut* yang melambangkan pelbagai dimensi negatif daripada pengurusan teknologi yang tidak seimbang dan tidak beretika. Naratif dalam ketiga-tiga karya ini menggambarkan bagaimana teknologi yang sepatutnya dimanfaatkan untuk kesejahteraan masyarakat akhirnya menjadi medium penindasan, pengasingan sosial dan kemerosotan nilai budaya apabila pengurusan teknologi ini tidak dilaksanakan dengan baik dan bijaksana. Aspek pengurusan teknologi dalam novel adalah dengan meneliti watak-watak sebagai anggota masyarakat dan harus disandarkan kepada prinsip perancangan, pengorganisasian, kepimpinan, penstafan dan kawalan. Maka cabaran dan objektif kajian adalah bertumpu kepada dua perkara utama iaitu, pertama, mengenal pasti naratif teknologi dalam novel dan kedua mengenai aplikasi pendekatan

pengurusan teknologi tersebut dalam novel dengan terapan Teori Semiotik. Novel-novel Shahnnon Ahmad yang dikaji ini membawa novelti atau keunikan apabila memperlihatkan kaedah atau cara pengarang Melayu kontemporari mengangkat isu teknologi bukan sekadar sebagai alat kemodenan, tetapi sebagai cerminan terhadap keperluan pengurusan nilai, moral dan akal budi dalam mendepani arus globalisasi.

Kata Kunci: Naratif, novel Shahnnon Ahmad, pengurusan teknologi, teori semiotik.

ABSTRACT

A novel is a form of literary work that reflects human life. It is also a narrative that contains events in which problems and conflicts arise among the characters. Novels have long been used as a platform for satire and social criticism on issues of leadership, social values, and changing times. This study is qualitative in nature, employing textual and library-based analysis. Several novels by Shahnnon Ahmad were selected with the aim of discussing issues of technology management in the context of socio-cultural change among Malay society. Technology is presented not only in the form of tools and systems, but also as a symbol of modernity. This symbolism is examined through Semiotic Theory by analysing characters, characterization, plot, and dialogue in the selected novels. The three selected works, Sampah, Tivi, and Kemelut represent various negative dimensions of unbalanced and unethical technology management. The narratives in all three works illustrate how technology, which should be utilized for the well-being of society, ultimately becomes a medium of oppression, social alienation, and the erosion of cultural values when its management is not carried out properly and wisely. The aspect of technology management in the novels is examined by viewing the characters as members of society and grounding the analysis in the principles of planning, organizing, leading, staffing, and controlling. Thus, the challenges and objectives of this study focus on two main aspects: first, identifying the technological narratives in the novels; and second, examining the application of the technology management approach in the novels through the application of Semiotic Theory. The novels by Shahnnon Ahmad analysed in this study display originality and distinctiveness in the way a contemporary Malay author raises the issue of technology not merely as a tool of modernity, but as a reflection of the need for the management of values, morality, and intellect in confronting the currents of globalization.

Keywords: Narrative, Shahnnon Ahmad's novel, technology management, semiotic theory.

PENGENALAN

Karya sastra sering menjadi cerminan kehidupan dan realiti masyarakat. Oleh hal demikian, karya sastra jelas merupakan hasil seni kreatif yang bukan dicipta tanpa ada sebarang tujuan, tetapi ia mengandungi pesanan daripada pengarang. Berdasarkan hal ini, sesuatu pesanan oleh pengarang melalui karya sastra ciptaannya lebih-lebih lagi terhadap penciptaan novel, haruslah disandarkan kepada naratifnya. Hal ini kerana naratif garapan pengarang itu menjadi peri penting dalam membentuk sesuatu yang bermakna.

Berdasarkan hal ini, naratif yang mengandungi peristiwa, lalu mewujudkan masalah dan konflik yang dialami watak-watak dapat ditelusuri melalui aspek pengurusan, iaitu bagaimana kedua-dua hal tersebut dapat dikendalikan. Oleh itu, aspek pengurusan yang diaplikasikan oleh watak-watak ketika bahagian permulaan kisah, bahagian pertengahan kisah, dan bahagian menyelesaikan sesuatu masalah dan

konflik berdasarkan satu-satu peristiwa memainkan peranan yang sangat penting. Hal ini kerana, pengaplikasian pendekatan pengurusan yang terbaik dapat membantu watak-watak merealisasikan matlamatnya ketika berhadapan masalah dan konflik di bahagian pengakhiran naratif.

Pengurusan teknologi dalam karya sastera bukan sahaja melibatkan bagaimana elemen teknologi diperkenalkan, tetapi juga bagaimana ia diuruskan untuk menyampaikan mesej atau tema utama karya tersebut. Dalam konteks sastera, pengurusan teknologi merangkumi cara pengarang mengawal naratif yang berkaitan dengan teknologi, termasuk bagaimana teknologi mempengaruhi kehidupan watak, membentuk latar atau menjadi pemangkin kepada konflik dan resolusi. Pengarang secara tidak langsung bertindak sebagai “pengurus” yang mengatur peranan teknologi dalam karya mereka, memastikan ia relevan dan menyokong jalan cerita tanpa menguasai atau mengaburi elemen lain seperti emosi, moral dan nilai kemanusiaan. Sebagai contoh, teknologi mungkin digunakan sebagai simbol kemajuan tetapi pada masa yang sama menjadi pencetus pergelutan moral yang menggambarkan bagaimana manusia menguruskan cabaran yang timbul akibat perubahan teknologi.

Aspek pengurusan yang ditekankan dalam karya sastera ini boleh mencakupi soal kecekapan, keadilan, tanggungjawab dan keseimbangan dalam penggunaan teknologi. Melalui naratif ini, pengarang menyorot persoalan penting tentang bagaimana manusia perlu mengurus teknologi untuk mengelakkan kesan buruk seperti ketidakseimbangan sosial, kemerosotan nilai tradisional atau kehilangan identiti. Oleh itu, pengurusan teknologi dalam sastera bukan sahaja menggambarkan realiti tetapi juga bertindak sebagai cerminan kritikal terhadap cara teknologi diuruskan dalam dunia sebenar.

Kajian yang secara khusus meneliti naratif pengurusan teknologi melalui kerangka teori semiotik masih kurang diberikan perhatian. Teori semiotik, khususnya pendekatan Roland Barthes, membuka ruang untuk memahami bagaimana elemen teknologi dalam karya-karya Shahnnon Ahmad bukan sahaja berfungsi sebagai latar atau unsur fizikal, tetapi sebagai tanda-tanda bermakna (*signs*) yang menyampaikan mesej ideologikal dan budaya. Melalui pendekatan semiotik, elemen teknologi dapat dianalisis sebagai penanda (*signifier*) yang membentuk petanda (*signified*) tertentu – seperti kuasa, penindasan, kelalaian atau keruntuhan nilai. Lebih mendalam lagi, makna-makna ini membentuk mitos (*myths*) moden yang cuba disampaikan atau dikritik oleh Shahnnon Ahmad. Mitos-mitos ini selalunya bersifat hegemoni, iaitu mewakili wacana kekuasaan – contohnya mitos bahawa semua bentuk pembangunan teknologi adalah baik, maju dan patut diterima tanpa soal. Namun begitu, tiada penekanan khusus dibuat kerana matlamat untuk menentukan kepenggunaan teknologi lazimnya dicapai dengan kaedah dua makna iaitu denotatif dan konotatif.

Maka, objektif kajian ini adalah untuk meneliti bagaimana Shahnnon Ahmad menyusun naratif-naratif teknologi bukan sekadar refleksi realiti, tetapi sebagai satu bentuk kritikan terhadap wacana dominan, khususnya dalam konteks pembangunan tidak seimbang dan pengurusan teknologi yang pincang dalam masyarakat Melayu. Kajian ini juga akan memberikan pemahaman yang lebih mendalam terhadap lapisan makna dalam teks serta peranan sastera sebagai wadah untuk menyampaikan kritikan sosial yang tajam dan bernas.

OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk meneliti secara kritis bagaimana naratif pengurusan teknologi dibentuk, dimaknakan dan difungsikan dalam novel *Sampah*, *Tivi* dan *Kemelut* karya Shahnnon Ahmad melalui pendekatan semiotik. Secara khusus, objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengenal pasti naratif pengarang dalam memaparkan teknologi yang mempengaruhi struktur sosial, pemikiran dan tingkah laku masyarakat Melayu.
2. Menganalisis makna pengurusan teknologi pada tahap denotasi dan konotasi berdasarkan kerangka teori semiotik Roland Barthes (1972).
3. Menjelaskan pendekatan pengurusan yang digagaskan oleh Mohammad Mokhtar Abu Hassan (2023) yang tersirat dalam teks sastera terhadap wacana perubahan sosial dan budaya masyarakat Melayu moden.

Sejajar dengan objektif kajian, soalan kajian dirangka seperti berikut:

1. Apakah bentuk naratif pengurusan teknologi dalam novel *Sampah, Tivi dan Kemelut*?
2. Bagaimanakah makna pengurusan teknologi dibina pada tahap denotatif dan konotatif berdasarkan pendekatan semiotik Roland Barthes?
3. Bagaimanakah pendekatan pengurusan teknologi berfungsi sebagai medium kritikan sosial terhadap kepincangan kepimpinan dan perubahan nilai masyarakat?

TINJAUAN LITERATUR

Tinjauan literatur (kadang-kala disebut juga sebagai sorotan kajian lepas atau kajian literatur) berfungsi untuk menghimpun, menilai dan membincangkan hasil-hasil penyelidikan atau teori terdahulu berkaitan dengan tajuk kajian yang sedang dijalankan. Banyak kajian telah meneliti karya Shahnnon Ahmad khususnya dari sudut politik, agama dan moral, tetapi masih terdapat kekurangan kajian dalam meneliti aspek pengurusan teknologi sebagai naratif yang mencerminkan hubungan manusia dengan kemajuan sains dan teknologi moden.

Terdapat juga jurang kajian yang menggabungkan pendekatan semiotik Roland Barthes (1972) dengan pendekatan pengurusan teknologi dalam menganalisis makna tersirat karya-karya Shahnnon Ahmad. Oleh itu, kajian ini menampilkan pendekatan baharu yang lebih interdisiplin dengan menggabungkan semiotik, sastera dan pengurusan untuk memahami bagaimana pengarang menggambarkan teknologi bukan sekadar alat, tetapi sebagai simbol yang membentuk struktur sosial dan ideologi masyarakat.

Literatur Terdahulu Mengenai Naratif Teknologi dan Teori Semiotik Barthes

Beberapa kajian terdahulu telah membincangkan aspek pengurusan kesusasteraan Melayu, pengurusan teknologi dan teori semiotik, namun tidak banyak yang meneliti dari perspektif pengurusan teknologi secara khusus tanpa gabungan antara pendekatan pengurusan dan teori semiotik.

Berikut adalah jadual ringkasan kajian literatur berkaitan dengan pengurusan kesusasteraan Melayu, pengurusan teknologi dan teori semiotik.

Jadual 1

Kajian Literatur Berkaitan dengan Pengurusan Kesusasteraan Melayu

Penulis	Objektif	Teori	Metodologi	Hasil Kajian
Norsaliza Mohd Shuhaini (2021)	1) Mengenal pasti prinsip kepimpinan yang terdapat dalam transkripsi video animasi Upin & Ipin terpilih. 2) Menganalisis kandungan animasi tersebut dalam mengurus intelek kanak-kanak berdasarkan prinsip kepimpinan. 3) Merumuskan keupayaan prinsip kepimpinan dalam pengurusan intelek kanak-kanak melalui animasi.	Kajian ini berpandukan Prinsip Kepimpinan dalam Pendekatan Pengurusan Mohamad Mokhtar Abu Hassan, disokong oleh Teori Kepimpinan Kecerdasan Emosi Daniel Goleman dalam konteks pendidikan dan perkembangan intelek kanak-kanak.	Kajian menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis kandungan transkripsi video animasi Upin & Ipin terpilih bagi mengenal pasti elemen kepimpinan yang mempengaruhi perkembangan intelek kanak-kanak.	Hasil kajian mendapati animasi Upin & Ipin mengandungi unsur kepimpinan yang berupaya mengurus dan membentuk intelek kanak-kanak secara tidak langsung melalui nilai murni, kerjasama, dan pembelajaran berasaskan pengalaman.
Mohamad Zuber Ismail, Sara Beden & Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2014) <i>Prinsip Perancangan: Penelitian Berdasarkan Cerita-cerita Rakyat</i>	1) Meneliti bagaimana prinsip perancangan dapat dikenal pasti dalam teks cerita-cerita rakyat Melayu. 2) Menganalisis penerapan prinsip perancangan dalam watak-watak dan naratif yang terdapat dalam koleksi cerita rakyat Melayu.	Kajian ini menggunakan Pendekatan Pengurusan berasaskan Prinsip Perancangan menurut teori pengurusan moden, untuk mengkaji unsur-unsur pengurusan dalam cerita rakyat sebagai teks budaya.	Analisis kandungan kualitatif ke atas koleksi 366 cerita rakyat Melayu yang dikumpulkan oleh Othman Puteh dan Aripin Said, dengan fokus kepada elemen perancangan dalam watak, plot dan naratif cerita.	Kajian mendapati bahawa prinsip perancangan dapat dikesan dalam pelbagai cerita rakyat Melayu, menunjukkan bahawa naratif tradisional tersebut bukan sekadar hiburan, tetapi juga menggambarkan struktur pemikiran yang mengandungi unsur-unsur perancangan dan strategi dalam menyelesaikan

(bersambung)

Penulis	Objektif	Teori	Metodologi	Hasil Kajian
				konflik serta mencapai matlamat dalam cerita.
Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2023) <i>Pendekatan Pengurusan: Satu Metode dalam Kritikan Sastera</i>	1) Memperkenalkan Pendekatan Pengurusan sebagai satu kaedah analisis dalam dunia kritikan sastera Melayu. 2) Menunjukkan bagaimana unsur-unsur pengurusan boleh diterapkan untuk memahami karya sastera secara sistematik melalui struktur teks dan naratif.	Pendekatan ini berpandukan Teori Pengurusan Moden yang merangkumi lima prinsip asas pengurusan iaitu: • Prinsip Perancangan • Prinsip Kepimpinan • Prinsip Pengorganisasian • Prinsip Penstafan • Prinsip Kawalan Digunakan sebagai kerangka untuk menilai watak, nilai, isu dan persoalan dalam karya sastera.	Kajian dibentangkan sebagai kertas kerja konseptual/teoretikal dalam Seminar Himpunan Ilmuwan Sasterawan Melayu (HISMA) 2013 di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim. Pendekatan ini dijelaskan dengan merujuk contoh seperti cerita rakyat “Sang Kancil dan Buaya” dan “Lebai Malang” sebagai contoh penerapan prinsip pengurusan dalam kritikan sastera.	Pendekatan Pengurusan dilihat sebagai kaedah baharu dalam dunia kritikan sastera Melayu yang memberi struktur sistematik kepada analisis teks, memadukan prinsip-prinsip pengurusan untuk menjelaskan watak, nilai, isu dan perwatakan dalam karya sastera. Pendekatan ini membuka ruang pemikiran baru dalam kajian sastera yang belum diterokai secara meluas oleh pengkritik tempatan.

Jadual 2

Kajian Literatur Berkaitan dengan Pengurusan Teknologi

Penulis	Objektif	Teori	Metodologi	Hasil Kajian
Hanita Ladjaharun & Khalip Musa (2024) <i>Memahami Kepemimpinan Teknologi Dalam Sektor Pendidikan</i>	1) Menganalisis kajian-kajian terdahulu mengenai kepemimpinan teknologi pengetua guru besar (PGB) dalam sektor pendidikan.	Kajian ini menggunakan pendekatan konsep/teoretikal kepemimpinan teknologi pendidikan yang merangkumi peranan PGB dalam integrasi teknologi maklumat dan komunikasi	Analisis dokumen/kandungan literatur dijalankan dengan membaca dan menilai kajian-kajian terdahulu berkaitan kepemimpinan teknologi di dalam dan luar negara untuk merumuskan peranan dan cabaran kepemimpinan	Dapatan menunjukkan bahawa PGB memainkan peranan penting sebagai pemangkin integrasi TMK, dengan kepemimpinan teknologi memberi kesan

(bersambung)

Penulis	Objektif	Teori	Metodologi	Hasil Kajian
	2) Menentukan peranan PGB dalam pengintegrasian dan pembudayaan teknologi pendidikan di sekolah.	(TMK) di sekolah serta model-model kepimpinan termasuk NETS-A (<i>National Educational Technology Standards-Administrator</i>) oleh ISTE.	teknologi dalam sektor pendidikan.	kepada keberkesanan sekolah, pembudayaan teknologi dalam kalangan guru dan murid, serta peningkatan praktik profesional. Penelitian terdahulu juga menggariskan keperluan kemahiran teknologi, sokongan infrastruktur dan budaya digital sebagai faktor utama kejayaan integrasi teknologi pendidikan.
	3) Menawarkan rujukan konsep bagi kefahaman para penyelidik terhadap kepimpinan teknologi dalam konteks pendidikan.			
Faridah Juraime & Mohd Izham Mohd Hamzah (2023) <i>Kepimpinan Teknologi Pengetua Dalam Pengurusan Sekolah</i>	1) Mengenal pasti tahap amalan kepimpinan teknologi dalam kalangan pengetua sekolah. 2) Menganalisis hubungan antara kepimpinan teknologi pengetua dengan aspek pengurusan sekolah termasuk prestasi akademik serta standard kompetensi.	Kajian ini berpandukan Teori Kepimpinan Teknologi (<i>technology leadership</i>) yang melihat peranan pengetua sebagai pemimpin teknologi dalam pengurusan sekolah abad ke-21, termasuk integrasi ICT dalam proses pengurusan dan pengajaran serta gaya kepimpinan yang relevan dalam konteks digital.	Kajian kuantitatif melalui soal selidik yang diedarkan kepada pengetua/guru sekolah menengah di Malaysia, dianalisis menggunakan perisian statistik (SPSS) untuk menentukan tahap kepimpinan teknologi, perbezaan amalan berdasarkan faktor tertentu dan hubungannya dengan prestasi sekolah.	Dapatan kajian menunjukkan bahawa kepimpinan teknologi pengetua berada pada tahap tinggi diamalkan dan memberi impak kepada pengurusan sekolah. Terdapat perbezaan amalan kepimpinan teknologi berdasarkan lokasi sekolah dan bilangan kursus ICT yang dihadiri. Namun kajian lain mendapati tiada hubungan signifikan

(bersambung)

Penulis	Objektif	Teori	Metodologi	Hasil Kajian
				antara kepemimpinan teknologi dengan prestasi akademik sekolah dalam beberapa dimensi tertentu.

Jadual 3

Kajian Literatur Berkaitan dengan Teori Semiotik

Penulis	Objektif	Teori	Metodologi	Hasil Kajian
Vina Siti Sri Nofia & Muhammad Rayhan Bustam (2022) <i>“Analisis Semiotika Roland Barthes pada Sampul Buku Five Little Pigs Karya Agatha Christie”</i>	1) Menerangkan makna denotatif dan konotatif dari tanda-tanda visual dan teks pada sampul buku Five Little Pigs karya Agatha Christie. 2) Menampilkan aplikasi analisis semiotika Barthes dalam kajian sampul buku sebagai teks visual.	Kajian ini menggunakan Teori Semiotika Roland Barthes yang membahagikan makna kepada denotasi (makna literal) dan konotasi (makna simbolik).	Pendekatan kualitatif deskriptif, dengan analisis semiotik teks dan gambar pada sampul buku. Data dianalisis melalui interpretasi unsur visual dan verba sebagai tanda (sign) yang mewakili makna.	Dapatan kajian menunjukkan bahawa: 1) Tanda teks dan gambar pada sampul mempunyai makna denotatif dan konotatif; 2) Makna konotatif dibentuk melalui makna denotatif; 3) Tanda visual lebih dominan berbanding tanda verbal dalam penyampaian makna.
Panji Wibisono & Yunita Sari (2021) <i>“Analisis Semiotika Roland Barthes dalam Film Bintang Ketjil karya Wim Umboh dan Misbach Yusa Bira”</i>	1) Menganalisis makna semiotik dalam film Bintang Ketjil menggunakan kerangka Roland Barthes. 2) Menilai bagaimana makna denotatif, konotatif dan	Kajian ini menggunakan teori semiotika Roland Barthes, yang memfokuskan kepada denotasi, konotasi, dan mitos sebagai tiga lapisan makna dalam teks visual (filem).	Pendekatan kualitatif deskriptif dengan menganalisis beberapa adegan terpilih dalam filem Bintang Ketjil (yang telah direstorasi pada 2018) untuk mentafsirkan tanda-tanda visual dan	Dapatan kajian menunjukkan bahawa makna denotatif filem itu menyampaikan mesej pendidikan informal yang membantu perkembangan kanak-kanak dalam aspek pengetahuan, akal, pemikiran

(bersambung)

Penulis	Objektif	Teori	Metodologi	Hasil Kajian
	mitos dibentuk oleh pembuat filem melalui elemen visual dan dialog filem.		dialog berdasarkan teori Barthes.	dan etika. Bentuk kasih sayang ibu dipaparkan jelas melalui dialog dan bahasa bukan verbal. Elemen mitos pula digambarkan melalui simbol-simbol pembelajaran dalam beberapa adegan. Kajian ini mencadangkan agar mesej positif dalam filem digunakan untuk memperbaiki sikap terhadap anak dan mengelakkan krisis kepercayaan terhadap orang dewasa.

Sorotan terhadap kajian-kajian terdahulu memperlihatkan bahawa pengaplikasian pendekatan pengurusan dalam novel terpilih karya Shahnnon Ahmad, iaitu Sampah, Kemelut dan Tivi, yang digabungkan dengan Teori Semiotik Roland Barthes telah memberikan kerangka analisis yang berkesan dalam menelusuri makna tersurat dan tersirat dalam teks. Walau bagaimanapun, tinjauan literatur ini turut mendedahkan wujudnya variasi dari segi fokus, skop dan tahap perbincangan dalam kajian-kajian lepas, sekali gus menandakan keperluan untuk suatu penelitian yang lebih menyeluruh dan bersepadu. Justeru, kesinambungan dan perbezaan signifikan yang dikenal pasti melalui sorotan ini bukan sahaja mengukuhkan asas teoretikal kajian semasa, malah berfungsi sebagai landasan perbandingan yang sistematik sebelum penganalisan data dilaksanakan, di samping membuka ruang kepada pengkaji akan datang untuk memperhalus lagi pendekatan dan aplikasi teori yang digunakan.

METODOLOGI

Secara amnya, metodologi kajian dirangka sebegitu rupa untuk memastikan analisis terhadap naratif pengurusan teknologi dilakukan secara sistematik, mendalam dan berlandaskan teori. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah analisis teks bagi meneliti naratif pengurusan teknologi dalam novel terpilih karya Shahnnon Ahmad. Pendekatan ini dipilih kerana kajian ini menumpukan kepada pemaknaan, tafsiran dan analisis mendalam terhadap teks sastera, khususnya dalam memahami makna tersurat dan tersirat yang terkandung dalam naratif. Manakala reka bentuk kajian ini bersifat kualitatif interpretatif, yang bertujuan untuk menghuraikan dan mentafsir fenomena pengurusan teknologi sebagaimana yang digarap dalam karya sastera. Reka bentuk ini sesuai digunakan kerana teks sastera bukan sekadar mengandungi maklumat literal, tetapi turut sarat dengan simbol, ideologi dan kritikan sosial yang memerlukan tafsiran mendalam.

Data kajian diperoleh melalui:

- i) Analisis teks - Penelitian rapi terhadap petikan, dialog, peristiwa, watak dan simbol yang berkaitan dengan representasi teknologi dan pengurusanannya dalam novel. Kaedah ini juga melibatkan urutan penelitian seperti memahami teks, menganalisis watak, menganalisis struktur naratif, tinjauan pendekatan yang dipaparkan, interpretasi analisis dan seterusnya penyimpulan.
- ii) Kajian kepustakaan – Rujukan terhadap buku, jurnal, tesis dan artikel ilmiah yang berkaitan dengan teori semiotik, pengurusan teknologi, serta kajian terdahulu tentang karya Shahnnon Ahmad.

Kaedah ini membolehkan pengkaji membina kefahaman teoretikal yang kukuh serta menyokong analisis teks dengan pandangan sarjana. Bagi memastikan kebolehpercayaan dan kesahan dapatan kajian, beberapa langkah diambil, antaranya:


- i) Analisis dilakukan secara konsisten berdasarkan kerangka teori yang sama.
- ii) Petikan teks digunakan sebagai bukti sokongan bagi setiap huraian dan tafsiran.

KERANGKA REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan secara sistematik dengan berpaksikan reka bentuk kajian yang menyeluruh. Penyelidikan dimulakan dengan huraian deskriptif bagi menjelaskan peristiwa dan konflik dalam ketiga-tiga novel yang dikaji. Seterusnya, proses penganalisan diteruskan melalui penilaian dan sintesis maklumat bagi membentuk kefahaman serta pemaknaan yang kukuh sebagai asas kepada peringkat seterusnya, iaitu peringkat kritisan. Pada peringkat ini, andaian asas serta implikasi terhadap manusia dan masyarakat dinilai bagi meneliti sejauh mana keberkesanan dan kesan pengurusan teknologi terhadap kesejahteraan manusiawi. Rajah di bawah memperlihatkan kerangka reka bentuk kajian.

Rajah 1

Kerangka Reka Bentuk Kajian



PENGURUSAN TEKNOLOGI

Pengurusan teknologi bukan sahaja berlaku dalam kehidupan sebenar, malah turut dipaparkan dalam karya sastera. Pendekatan pengurusan sastera merupakan satu metode baharu dalam dunia kritikan sastera yang menunjukkan perkembangan yang positif. Pengenalan pendekatan pengurusan dalam bidang kesusasteraan Melayu oleh Profesor Mohammad Mokhtar Abu Hassan membuktikan bahawa disiplin ini sangat sesuai diaplikasikan dalam kritikan sastera moden. Pendekatan ini telah diperkenalkan sebagai satu kaedah analisis baharu dalam kajian sastera melalui kertas kerja bertajuk

“Pendekatan Pengurusan: Satu Metode dalam Dunia Kritikan” yang dibentangkan semasa Seminar Himpunan Ilmuwan Sasterawan Melayu (HISMA) pada tahun 2013 di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Mohamad Zubir Ismail & Mohamad Mokhtar Hassan, 2017). Pengurusan sastera merupakan elemen yang wujud secara tersirat dalam karya sastera, memandangkan sastera itu sendiri bersifat universal dan subjektif. Oleh itu, pengurusan sastera menuntut pemahaman yang mendalam terhadap keperluan estetika dan budaya sastera. Kemahiran pengurusan yang berkesan berupaya memastikan kelangsungan serta perkembangan sastera dalam masyarakat. Di samping itu, prinsip-prinsip pengurusan turut terkandung dalam pelbagai bentuk karya sastera, sama ada prosa tradisional mahupun prosa moden. Karya sastera seperti novel dan cerpen lazimnya memanfaatkan watak dan peristiwa bagi menggambarkan situasi penerapan prinsip-prinsip pengurusan dalam naratif. Justeru, karya-karya sastera yang sarat dengan elemen pengurusan tidak seharusnya dipinggirkan oleh masyarakat. Secara umumnya, karya sastera khususnya novel wajar diteliti secara lebih mendalam kerana sebahagian peristiwa yang digarap dalam teks merupakan refleksi atau adaptasi daripada realiti kehidupan manusia. Melalui pengurusan yang berkesan, manusia berupaya mencapai matlamat dan keinginan dalam kehidupan mereka.

Prinsip-prinsip dalam Pengurusan

Pendekatan ini mengetengahkan lima prinsip asas pengurusan, iaitu prinsip perancangan, kepimpinan, pengorganisasian, penstafan dan pengawalan. Kelima-lima prinsip ini diaplikasikan sebagai kerangka analisis untuk meneliti struktur teks sesebuah karya sastera yang merangkumi aspek watak, perwatakan, nilai, isu, persoalan, latar serta pemikiran yang digagaskan oleh pengarang dalam karya mereka.

Perancangan

Menurut Gara Dessler (2004), perancangan merujuk kepada kaedah-kaedah terperinci yang diatur terlebih dahulu sebelum sesuatu tindakan dilaksanakan. Andrew F. Sikula (1999) pula menyatakan bahawa perancangan melibatkan aktiviti fizikal dan mental yang dilakukan sebelum berlakunya sesuatu tindakan. Selanjutnya, Harold Koontz & Heinz Weihrich, (1997) mendefinisikan perancangan sebagai penentuan terhadap apa yang hendak dilakukan, cara pelaksanaannya serta individu yang bertanggungjawab melaksanakannya (Jaafar Muhammad, 1999: hlm. 39). Berdasarkan definisi tersebut, perancangan dapat difahami sebagai aktiviti asas yang merangkumi aspek fizikal dan mental yang perlu dilakukan terlebih dahulu bagi memastikan kejayaan sesuatu matlamat. Perancangan memainkan peranan penting dalam menentukan visi, misi, objektif, rancangan operasi, keperluan kewangan serta keperluan sumber manusia bagi mencapai matlamat organisasi. Perancangan yang sistematik membantu pengurus menetapkan matlamat kumpulan kerja serta membangunkan strategi yang menyeluruh bagi memastikan pencapaian matlamat organisasi.

Pengorganisasian

Organisasi boleh didefinisikan sebagai gabungan dua orang atau lebih yang bekerja secara terkoordinasi bagi mencapai sesuatu hasil atau matlamat bersama. Bagi memastikan pengurusan yang berkesan, seseorang pengurus perlu mengorganisasikan pelbagai sumber seperti sumber manusia dan sumber fizikal, di samping mengurus fungsi-fungsi utama seperti pemasaran, pengeluaran dan kewangan secara teratur dan wajar. Pengorganisasian merujuk kepada proses penyusunan sumber-sumber organisasi dalam bentuk kesatuan yang berkesan agar matlamat dan objektif yang telah dirancang dapat dicapai. Proses ini turut menentukan kaedah pencapaian matlamat serta menetapkan peranan dan tanggungjawab setiap ahli dalam organisasi, termasuk hubungan antara mereka (Jaafar Muhammad, 1999: hlm. 62).

Pengorganisasian yang dilaksanakan dengan baik dapat mengelakkan pertindihan tugas, mengurangkan konflik, serta mencegah pembaziran dan penyalahgunaan sumber seperti bahan dan tenaga kerja. Selain itu, aspek-aspek penting yang perlu diberi perhatian dalam proses pengorganisasian termasuk pembahagian kerja, penjabatan struktur organisasi dan penyelarasan tugas. Komunikasi yang berkesan juga perlu dititikberatkan bagi memastikan setiap gerak kerja yang dirancang dapat dilaksanakan dengan jelas dan tepat. Pengorganisasian dalam sesebuah organisasi boleh dianalogikan dengan penyusunan pemain dalam pasukan bola sepak, di mana setiap pemain ditempatkan mengikut kebolehan dan kemahiran masing-masing, seperti penyerang, pemain sayap, pemain tengah, pemain pertahanan dan penjaga gol.

Kepimpinan

Kepimpinan dapat didefinisikan sebagai proses mengetuai serta mempengaruhi aktiviti ahli organisasi yang berkaitan dengan tugas mereka agar mereka bersedia bekerjasama dan berusaha ke arah pencapaian matlamat organisasi. Seorang pemimpin bukanlah individu yang memaksa atau menekan ahli-ahlinya, sebaliknya berperanan meletakkan diri di hadapan sebagai peneraju yang membimbing, memotivasikan dan mengilhamkan ahli kumpulan untuk mencapai matlamat bersama. Keadaan ini dapat dianalogikan dengan peranan seorang pemimpin pancaragam (orkestra) yang bertanggungjawab menyelaraskan irama muzik melalui kerjasama dan kesepaduan semua ahli muzik dalam kumpulan tersebut (Jaafar Muhammad, 1999: hlm. 197).

Dari segi gaya kepimpinan, terdapat tiga jenis pemimpin, iaitu:

- iii) **Pemimpin autokratik**, iaitu pemimpin yang menuntut kepatuhan penuh daripada anggota staf serta memimpin berdasarkan kuasa untuk memberi atau menarik balik ganjaran dan mengenakan hukuman.
- iv) **Pemimpin demokratik**, iaitu pemimpin yang menggalakkan penglibatan dan penyertaan staf dalam proses membuat keputusan serta pelaksanaan tindakan organisasi.
- v) **Pemimpin laissez-faire**, iaitu pemimpin yang menggunakan kuasanya secara minimum dan memberikan kebebasan yang luas kepada staf untuk mengendalikan tugas dan tanggungjawab mereka.

Selain itu, Juhary Hj Ali & Ishak Ismail (2004: hlm. 17), membahagikan peranan pemimpin kepada tiga kategori utama iaitu:

- i) Peranan sebagai penghubung atau perantara, di mana pemimpin menjalin hubungan dengan pihak luar bagi memperoleh maklumat tentang perkembangan semasa, serta mewakili organisasi untuk menyuarakan pandangan, pendapat dan keputusan organisasi.
- ii) Peranan sebagai penyebar atau penyampai maklumat, iaitu pemimpin bertanggungjawab menyampaikan maklumat yang diperoleh daripada pihak luar kepada ahli organisasi agar maklumat tersebut dapat dimanfaatkan secara berkesan.
- iii) Peranan sebagai pemutus keputusan, di mana pemimpin bertanggungjawab menentukan dan memuktamadkan keputusan yang melibatkan organisasi dan ahli-ahlinya.

Penjawatan/Penstafan

Penjawatan dalam struktur organisasi dapat ditakrifkan sebagai penentuan keperluan tenaga kerja dalam sesebuah kumpulan atau organisasi bagi memastikan setiap tugas yang perlu dilaksanakan dipertanggungjawabkan kepada individu yang sesuai serta mampu melaksanakan tugas tersebut dengan cekap dan berkesan (Harold Koontz & Heinz Weihrich, 1997: hlm. 302). Menurut Azman Che Omar (2003) dalam *Pengurusan di Malaysia dari Perspektif Islam* (2003: hlm. 96), penstafan merujuk kepada proses pengurusan sumber manusia yang merangkumi semua aktiviti yang bertujuan meningkatkan keberkesanan tenaga kerja dalam usaha mencapai objektif organisasi. Penstafan dilaksanakan bagi memastikan organisasi memperoleh tenaga kerja yang menepati spesifikasi dari segi kemahiran, pengetahuan dan keupayaan yang diperlukan. Melalui proses penstafan yang sistematik dan terancang, organisasi dapat memastikan setiap individu ditempatkan pada posisi yang bersesuaian agar matlamat penubuhan organisasi dapat dicapai secara optimum.

Kawalan

Kawalan dalam pengurusan merujuk kepada proses pengukuran, pemantauan dan pembetulan prestasi bagi memastikan segala perancangan dan objektif yang telah dirancang dapat dilaksanakan dan dicapai dengan berkesan. Menurut Jaafar Muhammad (1999), kawalan ditakrifkan sebagai proses untuk memastikan bahawa segala aktiviti organisasi sentiasa terarah kepada pencapaian matlamat yang telah ditetapkan. Selari dengan itu, Mohamad Mokhtar (2023) menjelaskan bahawa kawalan mengandaikan matlamat dan perancangan organisasi adalah tepat dan mantap, justeru segala tindakan yang diambil tertumpu kepada usaha merealisasikan matlamat tersebut. Dalam konteks karya sastera, kawalan yang dilaksanakan oleh watak-watak ketika berhadapan dengan konflik dan permasalahan dalam teks bertujuan memastikan matlamat yang dirancang dapat dicapai. Sekiranya kawalan yang diaplikasikan gagal merealisasikan matlamat atau menyelesaikan konflik yang timbul, maka tindakan pembetulan atau pemulihan perlu dilaksanakan. Hal ini penting bagi memastikan proses penyelesaian masalah berlaku secara menyeluruh dan tuntas, sekali gus membolehkan perancangan yang digerakkan oleh watak mencapai matlamat yang diinginkan.

TEORI SEMIOTIK ROLAND BARTHES (1972)

Sebagai medium yang berasaskan bahasa, karya sastera menggunakan bentuk bahasa yang berbeza daripada bahasa yang digunakan dalam kehidupan seharian mahupun bahasa penulisan ilmiah. Dalam konteks sastera, pengarang memiliki autonomi dan kuasa kreatif yang membolehkannya menggunakan gaya bahasa tertentu selaras dengan kehendak penceritaan tanpa terikat sepenuhnya kepada pengaruh atau kehendak luaran. Kebebasan ini membolehkan pengarang menyalurkan pandangan, idea dan gagasan secara lebih luas tanpa terlalu dibatasi oleh peraturan tatabahasa konvensional. Oleh itu, setiap karya sastera yang dihasilkan lazimnya mengandungi harapan, tujuan serta niat pengarang yang bersifat peribadi.

Bertitik tolak daripada kebebasan tersebut, lahirlah sudut pandangan dan pemikiran yang ingin diketengahkan oleh pengarang, sekali gus menghasilkan pelbagai tafsiran makna dalam kalangan pembaca. Secara umumnya, bahasa sastera beroperasi melalui sistem tanda atau lambang, menjadikan bahasa yang digunakan bukan sekadar bahasa literal, sebaliknya sarat dengan unsur penanda dan petanda. Tanda-tanda yang terdapat dalam karya sastera bertulis membuka ruang kepada pelbagai interpretasi makna, bergantung pada latar pengalaman, pengetahuan dan perspektif pembaca ketika

menilai teks yang dikaji. Dalam karya sastera, pengarang lazimnya membentuk makna tertentu yang ingin disampaikan melalui naratif dan simbol yang digunakan. Makna tersebut kemudiannya ditafsirkan semula oleh pembaca sebagai hasil daripada proses persepsi dan pemahaman mereka terhadap teks. Kejayaan sesebuah karya sastera dapat dinilai melalui keupayaannya menyampaikan makna yang dihasratkan oleh pengarang sehingga dapat difahami dan diterima secara bermakna oleh khalayak pembaca.

Terapan teori semiotik diperlukan kerana penggunaan bahasa oleh pengarang adalah berbentuk metafora, simbolisme dan personifikasi. Ianya adalah satu cara penyampaian pemikiran kepada khalayak kerana bangsa Melayu ini mempunyai bahasa yang sopan dan halus walaupun dalam keadaan kritikan atau teguran. Karya oleh Shahnnon Ahmad ini memaparkan kandungan yang sarat dengan nilai moral dan pengajaran. Bak kata pepatah, 'siapa makan cili, dialah terasa pedasnya'. Karya beliau sarat dengan emosi yang acap kali mempengaruhi tingkah laku serta pemikiran sesuatu golongan.

Bagi memecah serta menginterpretasikan apa yang ada di benak pemikiran pengarang, penggunaan teori semiotik adalah cara yang paling berkesan. Dengan terapan semiotik ini, pembaca boleh merenung nilai-nilai serta teguran-teguran sinis untuk memupuk kesedaran sosial dalam kalangan masyarakat. Secara ilmiahnya, semiotik akan menggunakan konsep bagaimana tanda-tanda berfungsi dalam budaya, media dan komunikasi. Ini akan menggalakkan pendekatan kritis dan interpretasi dalam memahami teks dan media. Terapan semiotik ini juga adalah pendekatan yang berkesan kerana kajian adalah berdasarkan analisis teks. Naratif dalam karya mempersembahkan suasana yang menyebabkan terjadinya masalah dan konflik dalam watak, plot serta latar belakang cerita.

Semiotik merupakan satu bidang ilmu yang mengkaji tanda serta segala perkara yang berkaitan dengannya. Secara umumnya, semiotik berkait rapat dengan kehidupan seharian manusia kerana sistem tanda digunakan secara meluas dalam proses komunikasi. Hal ini demikian kerana tanda merupakan salah satu medium utama yang digunakan oleh manusia untuk berkomunikasi dan menyampaikan maklumat. Justeru, semiotik mempunyai hubungan yang erat dengan bidang komunikasi serta linguistik. Linguistik merupakan ilmu yang mengkaji bahasa, manakala semiotik pula merupakan ilmu yang meneliti tanda; kedua-duanya saling melengkapi antara satu sama lain. Dalam konteks semiotik, kajian terhadap bahasa memberi tumpuan kepada makna yang terkandung di sebalik sesuatu tanda.

Semiotik merangkumi pelbagai aspek dan pendekatan pemahaman, sekali gus memainkan peranan yang signifikan dalam proses pemaknaan terhadap pelbagai fenomena. Kajian terhadap tanda bahasa dan kebudayaan pada peringkat praktis, khususnya melalui penerapan kaedah semiotik sebagai alat analisis karya sastera, membolehkan pengkaji meneliti bagaimana makna dipersembahkan dan dibentuk dalam sesebuah karya. Tanda dapat ditakrifkan sebagai sesuatu yang, berdasarkan kebiasaan dan penerimaan sosial yang telah dipersetujui, berfungsi untuk mewakili sesuatu yang lain.

Dalam kajian ini, Teori Semiotik Roland Barthes (1972) digunakan bagi menganalisis makna tanda-tanda yang terdapat dalam karya terpilih Shahnnon Ahmad. Roland Barthes mengemukakan dua tahap pemaknaan, iaitu makna denotatif yang merujuk kepada sistem makna primer dan makna konotatif sebagai sistem makna sekunder. Denotasi merujuk kepada makna literal atau makna langsung yang terhasil berdasarkan pemahaman umum terhadap sesuatu tanda. Sebaliknya, konotasi merujuk kepada makna lapis kedua yang bersifat tidak langsung, tersembunyi dan terbuka kepada pelbagai tafsiran, bergantung pada konteks budaya dan pengalaman sosial.

Selain itu, Roland Barthes turut memperkenalkan konsep mitos sebagai satu bentuk penandaan yang mencerminkan nilai, kepercayaan dan ideologi sesebuah masyarakat. Mitos berfungsi untuk menormalkan makna tertentu sehingga dianggap sebagai sesuatu yang bersifat semula jadi dalam konteks sosial dan budaya tertentu. Barthes menumpukan perhatian terhadap cara pembentukan struktur bahasa dan bagaimana bentuk-bentuk tersebut mempengaruhi makna, serta menegaskan bahawa makna tidak ditentukan secara individu semata-mata, sebaliknya dibentuk oleh konteks budaya dan sosial masyarakat tertentu. Sehubungan itu, Roland Barthes menyatakan bahawa bahasa merupakan satu sistem tanda yang mencerminkan andaian, nilai dan pandangan dunia sesebuah masyarakat pada sesuatu masa tertentu (Alex Sobur, 2003: hlm. 63).

Dengan berbekalkan konsep Barthes ini, karya-karya itu diterapkan pendekatan semiotik bagi membantu memecahkan maksud di sebalik teks yang digarap oleh Shahnnon Ahmad dalam novel *Sampah*, *Tivi* dan *Kemelut*.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Jadual 4

Semiotik dalam Novel Shahnnon Ahmad

Komponen	Novel <i>Sampah</i>	Novel <i>Tivi</i>	Novel <i>Kemelut</i>
<i>Signifier</i>	Merujuk kepada elemen-elemen fizikal dalam cerita seperti perkataan, watak, tempat, dan peristiwa – ‘Dia’ yang menggambarkan lapisan masyarakat yang dipinggirkan.	Tivi itu sendiri, sebagai objek fizikal dalam novel yang muncul sebagai simbol utama.	Elemen-elemen seperti watak utama, persekitaran dan peristiwa-peristiwa dalam novel ini. Diskripsi mengenai ketenangan alam sekitar dan sungai yang masih tidak tercemar.
<i>Signified</i>	Merujuk kepada makna atau idea yang terkandung dalam elemen-elemen tersebut – pergelutan ‘Dia’ yang terperangkap dalam kemiskinan dan kekecewaan bagaimana ketidakpedulian masyarakat dalam arus pembangunan.	Tivi dalam novel ini bukan sekadar alat hiburan, tetapi lebih kepada simbol pengaruh media terhadap kehidupan manusia, yang mengubah cara berfikir, nilai, dan tingkah laku individu. Ianya juga sebagai ‘jendela’ untuk melihat dunia luar serta lambing status sosial ketika itu.	Watak-watak utama dalam <i>Kemelut</i> sering kali terperangkap dalam pergolakan perasaan dan konflik dalaman yang besar. <i>Kemelut</i> mereka adalah metafora kepada kemelut dalam masyarakat, yang menghadapi pelbagai perubahan sosial dan politik. Kampung nelayan yang digambarkan sebagai simbol bagi perbezaan antara tradisi dan modeniti. Kehidupan nelayan mewakili kehidupan tradisional,

(bersambung)

Komponen	Novel <i>Sampah</i>	Novel <i>Tivi</i>	Novel <i>Kemelut</i>
			sementara kewujudan kilang-kilang melambangkan perubahan, kemajuan, dan cabaran moden.
Denotatif	Merujuk kepada makna literal sesuatu kejadian atau objek dalam cerita. Sebagai contoh, perkataan sampah secara denotatif merujuk kepada bahan buangan atau kotoran. Dalam novel ini, sampah boleh dilihat sebagai simbol kemiskinan, kehancuran moral, dan keadaan sosial yang terabaikan.	Tivi dalam novel adalah alat elektronik untuk menonton siaran televisyen. Ia mungkin merujuk kepada hiburan yang tersedia melalui media, seperti rancangan berita, drama, atau iklan.	Watak-watak utama dalam <i>Kemelut</i> sering kali terperangkap dalam pergolakan perasaan dan konflik dalaman yang besar. <i>Kemelut</i> mereka adalah metafora kepada kemelut dalam masyarakat, yang menghadapi pelbagai perubahan sosial dan politik. Kampung nelayan yang digambarkan sebagai simbol bagi perbezaan antara tradisi dan modeniti. Kehidupan nelayan mewakili kehidupan tradisional, sementara kewujudan kilang-kilang melambangkan perubahan, kemajuan, dan cabaran moden.
Konotatif	Konotasi dalam <i>Sampah</i> lebih mendalam. Sebagai contoh, sampah bukan sahaja merujuk kepada objek fizikal tetapi juga membawa makna seperti ketidakpedulian terhadap masalah sosial dan ekonomi, atau pengabaian terhadap nilai-nilai kemanusiaan. Sampah juga boleh dilihat sebagai simbol bagi penolakan terhadap sistem sosial yang tidak seimbang, yang mana watak-watak dalam novel ini adalah mangsa kepada sistem tersebut.	Tivi melambangkan kuasa media dan pengaruhnya terhadap masyarakat. Ia menjadi simbol untuk bagaimana media massa mempengaruhi nilai-nilai sosial, norma, dan pandangan dunia. Dalam <i>Tivi</i> , televisyen bukan hanya alat hiburan, tetapi juga alat yang meracuni pemikiran, memanipulasi persepsi, dan memperkenalkan sistem ideologi tertentu. Di samping itu, televisyen juga dapat dilihat sebagai simbol alienisasi atau pengasingan dalam masyarakat. Watak-	<i>Kemelut</i> bukan sekadar masalah peribadi tetapi simbol konflik sosial, perubahan budaya, dan pergelutan antara tradisi dan kemodenan. Misalnya, pertembungan antara watak tradisional yang mengekalkan nilai-nilai lama dan watak moden yang berusaha mencari identiti baru.

(bersambung)

Komponen	Novel <i>Sampah</i>	Novel <i>Tivi</i>	Novel <i>Kemelut</i>
		watak dalam novel ini sering kali lebih mengutamakan televisyen berbanding berinteraksi dengan orang lain di dunia nyata.	
Mitos	Menyampaikan ideologi tertentu mengenai kemiskinan dan ketidakadilan sosial. Mitos berkaitan dengan keadaan masyarakat Malaysia pada masa itu dan kritikan terhadap sistem politik dan pengabaian sosial.	Tivi digunakan untuk mengungkapkan mitos budaya tertentu yang berkaitan dengan media dan hiburan. Tivi dilihat sebagai lambang kemodenan dan kemajuan. Dalam budaya moden, televisyen dikaitkan dengan kemajuan dan peradaban, namun dalam novel ini, Shahnon menunjukkan bagaimana televisyen sebenarnya merosakkan pemikiran, mengaburkan nilai kemanusiaan dan memusatkan perhatian individu kepada hiburan semata-mata. Media juga dilihat sebagai saluran untuk meningkatkan pengetahuan dan memberi pencerahan. Namun dalam Tivi, Shahnon menunjukkan bagaimana media mengabaikan kebenaran dan lebih mengutamakan hiburan atau manipulasi sosial.	Mengkritik struktur sosial dan sistem yang ada dalam masyarakat. Mitos berkaitan dengan pandangan masyarakat terhadap kemajuan dan kelestarian alam. Shahnon Ahmad menunjukkan bahawa kemajuan dan modenisasi membawa kesan negatif terhadap alam sekitar sekiranya tidak dipantau dan dikawal apabila nilai-nilai tradisional ditekpi. Novel ini juga memperlihatkan kesan negatif kemajuan dan teknologi yang menghakis nilai moral dan menimbulkan konflik identiti dalam masyarakat.
Kesan Teknologi	Sampah boleh dilihat sebagai kritikan terhadap proses modenisasi yang tidak seimbang. Shahnon menggambarkan bagaimana kemajuan material sering kali mengabaikan pembangunan sosial dan moral. Dalam hal ini,	Dalam Tivi, Shahnon Ahmad menggunakan televisyen sebagai simbol pengaruh negatif teknologi dalam masyarakat moden. Penggunaan teknologi seperti televisyen menunjukkan bagaimana masyarakat semakin terpisah dari	Dalam <i>Kemelut</i> , Shahnon Ahmad menggambarkan bagaimana kemajuan teknologi perlu diurus dengan bijak dan bertanggungjawab untuk memastikan ia memberikan manfaat sebenar kepada semua lapisan masyarakat

(bersambung)

Komponen	Novel <i>Sampah</i>	Novel <i>Tivi</i>	Novel <i>Kemelut</i>
	teknologi yang seharusnya menjadi alat untuk memperbaiki kehidupan manusia, malah digunakan untuk menjauhkan mereka dari keperluan asas yang lebih penting seperti keadilan sosial, perasaan kemanusiaan, dan kemakmuran sejati. Sampah dapat dianalisis dalam konteks ketidakseimbangan sosial yang ditunjukkan oleh pengarang. Shahnnon menggunakan simbol teknologi untuk menggambarkan bagaimana kemajuan dan modenisasi tidak selalu membawa manfaat yang adil kepada semua lapisan masyarakat. Teknologi dalam novel ini menjadi alat yang memperkuat ketidakadilan sosial, menambah jurang antara golongan elit dan marhaen, dan memupuk alienisasi dalam masyarakat yang semakin jauh daripada nilai kemanusiaan sejati.	nilai-nilai kemanusiaan yang sejati, terperangkap dalam dunia hiburan dan konsumerisme yang dicipta oleh media. Shahnnon menggambarkan bagaimana teknologi tidak hanya memberi manfaat, tetapi juga membawa kesan negatif terhadap hubungan sosial, moral, dan mentaliti masyarakat. Oleh itu, pengurusan teknologi yang bijak dan beretika adalah penting bagi memastikan teknologi digunakan untuk kebaikan bersama dan menjaga keharmonian sosial.	tanpa menjejaskan nilai-nilai kemanusiaan dan moral yang penting dalam kehidupan tetapi bertanggungjawab terhadap memastikan kelestarian alam sekitar untuk dinikmati oleh generasi akan datang.

Novel Sampah

Novel *Sampah* karya Shahnnon Ahmad yang diterbitkan pada tahun 1974, merupakan sebuah karya yang penuh dengan kritikan sosial terhadap kemerosotan nilai kemanusiaan dan ketidakseimbangan sosial dalam masyarakat. Shahnnon Ahmad menggunakan metafora "sampah" bukan sahaja dalam bentuk literal tetapi juga sebagai lambang bagi nilai-nilai manusia yang telah hilang akibat tekanan daripada kehidupan yang moden ini. Metafora ini membawa pembaca merenung tentang bagaimana sampah, baik dari segi fizikal mahupun simbolik, menjadi refleksi kehidupan manusia yang diabaikan atau dilupakan oleh sistem sosial yang tidak adil. Melalui penceritaan yang menyentuh perasaan, Shahnnon Ahmad berjaya menghubungkan isu-isu peribadi dan kolektif masyarakat moden, sekali gus menjadikan novel ini sebuah karya yang relevan merentasi zaman.

Novel ini bukan sahaja mengangkat isu kemiskinan dan ketidakseimbangan sosial, tetapi juga menekankan kepentingan kemanusiaan, keadilan sosial, dan penjagaan alam sekitar. Ia menggambarkan

bagaimana tekanan kehidupan moden, seperti urbanisasi, materialisme, dan sikap tidak peduli, telah merosakkan nilai-nilai asas manusia. Dengan menjadikan "sampah" sebagai simbol utama, Shahnnon Ahmad mengajak pembaca untuk melihat kembali nilai-nilai kemanusiaan yang semakin terhakis akibat kesibukan dunia moden. Simbolisme ini memberikan dimensi baharu dalam memahami realiti masyarakat, di mana golongan bawahan sering kali menjadi mangsa kepada sistem yang berat sebelah.

Watak utama dalam novel ini, seorang pengemis, "Dia" digambarkan sebagai individu yang mewakili masyarakat bawahan yang sering terpinggir dan dianggap sebagai "sampah masyarakat." Shahnnon Ahmad menggunakan pengemis dan watak-watak lain untuk menggambarkan kehidupan yang penuh penderitaan, kesedihan, dan penindasan yang dialami oleh golongan lemah dalam masyarakat. Watak-watak ini bukan sahaja mencerminkan realiti kehidupan golongan yang kurang bernasib baik, tetapi juga menunjukkan bagaimana mereka sering diabaikan dan tidak dihargai oleh sistem sosial yang tidak adil.

Shahnnon Ahmad menyusun watak-watak ini dengan teliti untuk mencerminkan jurang sosial yang semakin melebar, di mana golongan bawahan sering dilihat sebagai beban kepada masyarakat. Melalui perwatakan pengemis, Shahnnon Ahmad menggambarkan konflik dalaman dan luaran yang dihadapi oleh individu yang terpaksa bergelut dengan tekanan kehidupan yang tidak pernah berkesudahan. Watak pengemis menjadi simbol kepada perjuangan golongan bawahan untuk mendapatkan pengiktirafan, keadilan, dan kehidupan yang lebih baik, meskipun sering kali usaha mereka tidak dihargai.

Hubungan antara watak dengan persekitaran mereka turut memainkan peranan penting dalam memperkukuhkan mesej novel. Sebagai contoh, pengemis sering digambarkan hidup di kawasan yang penuh dengan noda dan kekotoran, mencerminkan bukan sahaja keadaan fizikal tetapi juga kedudukan sosialnya yang rendah. Persekitaran yang terabai ini menggambarkan sikap masyarakat yang tidak peduli terhadap nasib golongan bawahan. Dalam konteks ini, Shahnnon Ahmad berjaya menunjukkan bahawa kegagalan masyarakat dalam menangani isu keadilan sosial tidak hanya merugikan individu tetapi juga keseluruhan struktur masyarakat.

Sementelah itu juga, novel *Sampah* ini memiliki kisahnya yang tersendiri yang boleh digambarkan secara mendalam dari sudut pemikiran Shahnnon Ahmad yang bergantung kepada falsafah kehidupan manusia yang tidak takut akan kematian walaupun sepanjang hidupnya menjadi seorang pengemis. "Dia" juga sentiasa dijerut akan kemiskinan sehingga terpaksa menjadi peminta sedekah untuk meneruskan sisa baki kehidupannya, malah tidak berasa takut akan kematian setelah melalui kebosanan dalam hidup. Melalui penulisan Shahnnon Ahmad, beliau menonjolkan persoalan "tidak takut mati" secara tersurat, namun begitu, apabila diteliti secara mendalam, secara tersiratnya, penulis ingin memaparkan maksud sebenar "cinta akan keabadian" yang membawa maksud kehidupan selepas kematian. Shahnnon Ahmad juga bijak dalam mengelakkan dari timbul isu sensitiviti dengan tidak menjustifikasikan watak utama di dalam novel *Sampah* secara jelas, iaitu sama ada dari segi akidah atau agamanya. Beliau masih lagi menekankan kehidupan masyarakat yang berpegang dengan ajaran Islam.

Novel Tivi

Novel *Tivi* karya Shahnnon Ahmad diterbitkan pada tahun 1995 dan merupakan salah satu karya penting dalam kesusasteraan Melayu moden. Dalam *Tivi*, isu kemajuan teknologi, khususnya televisyen, dan kesan pengaruhnya terhadap masyarakat dan nilai-nilai tradisional adalah menjadi tema utama.

Dalam novel ini, Shahnnon Ahmad menggambarkan perubahan yang berlaku dalam masyarakat Melayu yang semakin terdedah kepada pengaruh budaya luar melalui media massa. Konflik utama dalam *Tivi* berkisar mengenai kesan negatif televisyen terhadap kehidupan sebuah keluarga di kampung. Walaupun teknologi moden dilihat sebagai alat untuk memajukan kehidupan, Shahnnon Ahmad menunjukkan bagaimana penggunaan televisyen dalam keluarga menyebabkan ketegangan dan perubahan negatif dalam perhubungan kekeluargaan dan budaya masyarakat.

Novel *Tivi* mengisahkan tentang perubahan dramatik yang dialami oleh sebuah keluarga tani di pedalaman Kedah setelah pengaruh televisyen memasuki kehidupan mereka. Keluarga tersebut terdiri daripada Mat Isa dan Mak Jeha serta anak-anak mereka, termasuk Chah, yang menjadi watak utama dalam cerita ini. Chah, yang bekerja di kilang skru di Sungai Petani, membawa pulang sebuah televisyen sebagai hadiah untuk keluarganya. Kehadiran televisyen ini menjadi simbol kemajuan tetapi juga membawa kepada kebejatan moral. Melalui paparan rancangan yang tidak berakhlak, Mat Isa terpengaruh dan terjebak dalam perilaku tidak senonoh, termasuk keinginan untuk melakukan perbuatan terlarang terhadap anaknya sendiri, Hasanah, dan hampir dengan Chah. Novel ini menggambarkan bagaimana televisyen mengubah dinamik keluarga yang sebelum ini harmoni menjadi huru-hara, di mana mereka lebih mengutamakan hiburan berbanding nilai-nilai agama dan kemasyarakatan yang telah lama mereka amalkan.

Di samping itu, *Tivi* juga menyentuh tema kejutan budaya dan kesan negatif kemajuan teknologi terhadap masyarakat. Shahnnon Ahmad menggunakan teknik naratif yang kuat untuk menunjukkan transformasi watak-watak dalam novel ini, di mana mereka mula mengabaikan tanggungjawab harian dan ritual keagamaan demi menonton televisyen. Pengakhiran novel ini mengejutkan dan membawa pengajaran mendalam tentang bahaya ketagihan hiburan yang boleh merosakkan moral dan nilai-nilai keluarga. Dengan elemen satira yang tajam, *Tivi* bukan sahaja mencerminkan realiti masyarakat pada waktu itu tetapi juga relevan dengan isu-isu kontemporari mengenai media dan kesan budaya popular terhadap kehidupan seharian.

Secara keseluruhannya, latar belakang *Tivi* berfokus pada pertembungan antara nilai-nilai tradisional dan kemajuan teknologi yang membawa kesan mendalam terhadap kehidupan peribadi dan sosial. Novel ini memberi amaran mengenai ketidakseimbangan antara teknologi dan moral, serta bagaimana media massa seperti televisyen boleh menjadi pendorong kepada perubahan negatif dalam masyarakat, terutama dalam aspek hubungan kekeluargaan. Novel ini menggambarkan betapa mudahnya nilai dan budaya yang telah terjaga selama berabad-abad dapat berubah dengan begitu cepat apabila terdedah kepada arus modenisasi tanpa kesedaran dan pemahaman yang mendalam.

Novel Kemelut

Novel *Kemelut* diterbitkan pada tahun 1977, mengisahkan kehidupan sebuah keluarga nelayan di sebuah kampung yang dilanda dengan musibah iaitu pencemaran laut yang berlaku akibat pembangunan perindustrian yang dijalankan di seberang sungai kampung Indah Permai. *Kemelut* yang berlaku di kampung tersebut ialah berpunca daripada sebuah pencemaran pembangunan kawasan industri iaitu perkilangan. Latar tempat dalam naratif cerita tersebut ialah di Kuala Juru, Pulau Pinang. Watak utama dalam novel ini adalah Pak Mat, seorang nelayan yang berjuang untuk memenuhi keperluan keluarga di tengah kepesatan dan pancaroba pencemaran yang melanda kampung tersebut.

Watak utama oleh Pak Mat terperangkap dalam konflik antara kehidupan sebagai seorang nelayan yang berdepan dengan fenomena pencemaran yang meragut nyawa. Mak Timah, isteri Pak Mat, merupakan

seorang wanita yang turut terkesan dengan fenomena tersebut. Sementara itu, Rokiah, anak perempuan mereka, juga mengalami kesan akibat dari pencemaran tersebut di mana kucing kesayangannya yang bernama Pokpok telah mati akibat termakan ikan beracun berasal dari kawasan tercemar itu. Malah yang lebih terkesan lagi ialah watak Mak Minah dan Pak Osman yang terpaksa kehilangan satu-satunya anak tunggal mereka iaitu Kipling.

Kesemua penduduk kampung Indah Permai telah berhadapan kemelut ini kerana punca rezeki utama mereka telah dicemari dengan tindakan pihak yang tidak bertanggungjawab. Konflik yang berlaku antara penduduk kampung dengan pihak atasan menggambarkan bahawa kuasa seseorang itu sangat mempengaruhi. Apabila kita berkuasa kita boleh menyalahgunakan kuasa yang dimiliki. Malah dengan kuasa juga, ada janji-janji yang ditaburkan tapi tidak ditepati.

Ia dilihat menjadi satu cabaran kepada Pak Mat iaitu ketua kampung Indah Permai yang baharu setelah kematian Ngah setahun yang lalu. Pak Mat diangkat menjadi ketua kampung secara tidak rasmi setelah kematian Ngah. Oleh itu, segala urusan permasalahan yang berlaku di kampung Indah Permai akan diuruskan oleh Pak Mat. Namun begitu ia tidak menjadi permasalahan yang besar bagi Pak Mat, selagi dia masih kuat dan berdaya akan diuruskan segala hal yang berlaku di kampung tersebut. Cabaran dilihat bermula sejak kilang-kilang di seberang kampung itu mula beroperasi dan menyebabkan berlakunya pencemaran air yang sangat teruk. Keadaan ini menjurus kepada kematian habitat hidupan akuatik seterusnya menjejaskan sumber pendapatan penduduk kampung untuk menangkap hasil ikan.

Pak Mat, Pak Isa, Pak Osman dan Tobeng telah berbincang untuk mengambil langkah yang paling berkesan bagi mengatasi masalah yang berlaku akibat daripada pengoperasian kilang tersebut. Mereka sanggup berdayung sampan sehingga ke Bukit Mertajam semata-mata ingin berjumpa dengan pegawai daerah di sana. Mereka juga mengambil sebungkus plastik yang diisi dengan air sungai yang kotor sisa daripada kilang dan sebungkus plastik berisi ikan yang telah reput dagingnya untuk dijadikan sebagai bukti. Namun perjumpaan itu hanyalah sia-sia kerana tiada usaha dan inisiatif yang diambil oleh pegawai daerah tersebut setelah tiga bulan berlalu dan keadaan ini hanya semakin memburukkan keadaan sungai. Pak Mat, Pak Isa, Pak Osman dan Tobeng berbincang kembali untuk berjumpa dengan pihak yang lebih tinggi iaitu ketua menteri bagi mendapatkan bantuan dan pertolongan bagi mengatasi masalah pencemaran sungai yang berlaku di kampung tersebut. Meskipun, mereka menghadapi pelbagai cabaran dan halangan daripada pihak atasan untuk menyelesaikan masalah yang berlaku namun ia tidak menjadi halangan kepada mereka untuk mencari jalan penyelesaian lain bagi memulihkan kembali keadaan sungai di kampung Indah Permai.

Jelas dapat dilihat bahawa kesukaran mendapatkan bantuan daripada pihak atasan merupakan satu cabaran besar yang timbul, malah pihak atasan pula telah mencadangkan mereka. Mengubah cara hidup mereka dari menjadi nelayan kepada menjadi seorang petani. Pasti pekerjaan yang telah lama mereka kerjakan sebagai nelayan telah menjadi darah daging mereka dan cadangan itu dilihat sebagai satu penghinaan pada penderitaan pencemaran yang penduduk kampung tersebut hadapi.

NARATIF TEKNOLOGI DALAM NOVEL SHAHNON AHMAD

Dengan terapan teori Semiotik Barthes, naratif teknologi telah dapat dikenal pasti dalam ketiga-tiga novel *Sampah*, *Tivi* dan *Kemelut*. Langkah selanjutnya adalah memperlihatkan pula bagaimana pendekatan pengurusan telah ditonjolkan dalam karya Shahnnon Ahmad ini. Terdapat lima prinsip dalam pendekatan pengurusan yang dikenal pasti dalam kesemua atau sebahagian daripada novel-novel yang

dikaji. Prinsip dalam pendekatan pengurusan ini termasuklah; prinsip perancangan, prinsip pengorganisasian, prinsip kepimpinan, prinsip penstafan dan prinsip kawalan. Namun begitu, dalam mengenal pasti kewujudan prinsip-prinsip ini, beberapa ciri khusus telah diperhatikan bagi menentukan prinsip yang telah digunakan.

Antara ciri-ciri unik prinsip yang diguna pakai pada watak, perwatakan, plot dialog, latar belakang cerita dan sebagainya adalah;

- i) Prinsip perancangan
 - Penetapan matlamat yang jelas.
 - Strategi yang telah diatur bagi mencapai matlamat.
- ii) Prinsip pengorganisasian
 - Merangka carta organisasi yang menentukan peranan dan tugas.
- iii) Prinsip kepimpinan
 - Jenis pemimpin: autokratik, demokratik dan laissez-faire.
 - Sifat pemimpin: yakin, pandai, mahir, kreatif, sistematik, kuat ingatan, dipercayai, tekun, berani dan sebagainya.
- iv) Prinsip penstafan
 - Mengenal pasti keperluan tenaga kerja sesuai dengan kelayakan dan kemahiran yang diperlukan.
- v) Prinsip kawalan
 - Perbandingan antara prestasi atau (output) dengan piawaian atau standard yang ditetapkan dan diterima.

Jadual 5

Prinsip Perancangan dalam Novel Sampah, Tivi dan Kemelut

Novel <i>Sampah</i>	Novel <i>Tivi</i>	Novel <i>Kemelut</i>
Novel <i>Sampah</i> adalah novel yang menceritakan watak 'Dia' iaitu seorang pengemis yang hidup melata dan meminta-minta demi sesuap nasi. Maka 'Dia' telah merancang dengan menetapkan matlamat agar 'Dia' dipenjarakan. Dalam usaha untuk dipenjarakan, 'Dia' telah mengatur strategi agar pihak berkuasa menangkap dan memenjarakan 'Dia'.	Prinsip perancangan dapat dilihat dalam teks yang mana sambutan televisyen tersebut telah dibuat. Ianya bermula dengan matlamat menyambut kehadiran televisyen sehinggalah persiapan dan strategi untuk menyambutnya. Strategi untuk memberi tempat yang sesuai sehinggalah segala aktiviti yang perlu disiapkan bagi penempatan televisyen tersebut.	Prinsip perancangan juga terdapat dalam novel <i>Kemelut</i> . Perancangan tersebut dimulai dengan matlamat atau hasrat Pak Mat untuk menjodohkan Ramli dengan Aminah. Beberapa persiapan perlu dilaksanakan dengan mengatur strategi yang bersesuaian dengan adat resam orang Melayu. Persiapan atau berbentuk strategi tersebut adalah;
i) Matlamat "Aku tidak mahu dibebaskan. Aku mahu dipenjarakan. Aku	i) Matlamat "Kalau tiba TV itu nanti, letakkan saja di penjurru	i) Merisik oleh Ngah.

(bersambung)

Novel Sampah	Novel Tivi	Novel Kemelut
ingin kebebasanku dalam kurungan ciptaan kau.” (SMs. 61)	rumah kita, sebelah matahari jatuh. Itu pesan ayah Chah berkali-kali. Jangan letak di tengah rumah sebab payah nanti nak tengok. Letak di penjuru itu saja.” (TB2Ms. 15)	“Apa kau nak suruh kami masuk minta Aminah sekarang?” Ramli nampak terkejut, tapi tidak berkata apa-apa. “Kalau dah berhajat, kami boleh minta Ngah dua suami isteri meninjau dulu. Kalau riak baik, baru kita susul dengan tanda. Apa kau ada duit?” (KB3Ms.30)
“Yang tidak bergelar jadi kaget. Kau akan dipenjara, dikurung di dalam bilik berjerjak besi, berlantai simen. Apa ini satu kegirangan? Atau satu kebanggaan? Atau satu kesopanan? Mengapa kau tersenyum dan ketawa? Orang tidak pernah tersenyum apabila melangkah masuk ke sini. Tidak pernah.” (SMs. 66)	ii) Strategi “Pungah semua perkakas yang sekarang ini berlonggok di situ. Benda-benda lain dipindahkan saja ke penjuru lain. Dan, kalau penjuru lain pun sudah penuh, letaklah di mana-mana pun.” (TB2Ms. 15)	ii) Memikirkan peringkat seterusnya iaitu meminang yang memerlukan belanja kahwin.
ii) Strategi "Apa ada?" "Dia ganggu ketenteraman orang ramai, tuan." "Ganggu orang ramai?" "Ya, tuan." "Macam mana boleh ganggu?" "Dia ganggu, tuan." "Apa dia buat?" "Dia buat kacau, tuan ... " "Ini bukan tempat pengacau." "Dia gila, tuan." "Ini bukan, tempat orang gila." "Tapi, dia kacau, tuan." (SMs. 59-60)		iii) Persiapan untuk tinggal di rumah ibu bapa atau membina rumah sendiri. “Kita ikat dulu. Wang tu dah ada. Kemudian nak jumpa kita tangguhlah lama sikit. Biar ada sikit lagi duit kita. Belanja pun banyak juga. Nak baiki sikit pondok ini. Nak sambung sikit bilik itu. Kena buat bilik satu lagi. Kenduri pun kena ingat sama. Lagi pun tilam bantal baru kena beli lain. Ingat boleh dapat duit tu dalam lapan sembilan bulan?” Soal Mak Timah yang sendiri yakin kalau begini keadaan setiap hari. (KB3Ms. 31)

Jadual 6

Prinsip Pengorganisasian dalam Novel Sampah, Tivi dan Kemelut

Novel Sampah	Novel Tivi	Novel Kemelut
Prinsip pengorganisasian dalam <i>Sampah</i> dapat disoroti ketika plot di mana beberapa orang polis telah ditugaskan untuk menangkap ‘Dia’ dan disumbat ke dalam penjara. <i>"Tangkap! Tangkap!"</i> <i>Dia membuka mata lebar-lebar melihat ke arah muka-muka di luar sempadan. Berpecah suara itu datang daripada mereka yang menyeringai.</i> <i>Dia pun ditangkaplah. Kedua belah tangan dibelenggu.</i> (SMs. 56)	Salah satu plot yang ditonjolkan mengandungi prinsip pengorganisasian iaitu ketika babak di mana Mat Isa sekeluarga telah berusaha untuk mengangkat televisyen dari jalan utama ke rumah mereka. Di dalam babak ini jelas kelihatan bahawa setiap ahli keluarga Mat Isa diberi peranan masing-masing bagi memastikan televisyen diangkat dengan selamatnya walaupun melalui jalan yang agak mencabar sehingga ke rumah mereka. <i>"Elok Mat Isa berhati-hati sajalah, apabila menolak TV itu. Hassan pegang bucu TV. Jeha pun boleh pegang satu bucu atau Jeha tolak saja belakang Mat Isa yang memegang TV. Dan Mat Isa rasakan apabila TV di atas basikal nanti, bukan saja pegang tetapi kenalah kapuk kuat-kuat."</i> (TB5Ms. 61)	;Babak dalam novel <i>Kemelut</i> agar berlainan sedikit, namun asas atau ciri-ciri prinsip pengorganisasian tersebut masih jelas dipaparkan. Ini adalah kerana novel <i>Kemelut</i> melakarkan kehidupan sekampung setempat untuk sama-sama mengatasi kemelut pencemaran yang sedang mereka hadapi bersama. <i>Dan di pintu tegak empat nelayan tua yang hitam berkilat dan berdaki. Orang di meja yang lebih besar menghampiri pintu besar.</i> <i>"Ada apa?"</i> <i>"Nak jumpa D.O. sekejap."</i> Balas Tobeng lurus. <i>"Apa hal?"</i> <i>"Ada hal sikit."</i> <i>"Hal apa?"</i> <i>"Kuala Indah Permai."</i> <i>"Awak semua orang Kuala Indah Permai?"</i> <i>Tobeng mengiya. Pak Mat, Pak Isa, Pak Osman dan Pak Karim mengangguk.</i> (KB9Ms.90)

Prinsip Kepimpinan dalam Novel Sampah, Tivi dan Kemelut

Prinsip kepimpinan ini agar mudah dikenal pasti kerana terdapat watak-watak yang menunjukkan posisi seseorang sebagai ketua atau pemimpin atau apa juga perwatakan yang dipaparkan. Dalam ketiga-tiga novel tersebut watak dan perwatakan sebagai pemimpin itu menonjolkan cara pemimpin autokratik, demokratik dan *laissez-faire*.

Jadual 7

Prinsip Kepimpinan dalam Novel Sampah, Tivi dan Kemelut

Novel Sampah	Novel Tivi	Novel Kemelut
Novel <i>Sampah</i> memaparkan watak ketua yang dipanggil 'Tuan' dan beliau membuat segala arahan tanpa kompromi atau secara autokratik. "Bawa! Bawa dia masuk penjara!" Yang bergelar "Tuan" memberi perintah. Giginya dikancing-kancing. Itu keputusan yang amat mudah. (SMs. 63-64) "Cepat! Bawa dia! Bawa dia ke dalam penjara." Terteleng kepala "Tuan" memberi perintah. Di matanya terkilat sinar kepuasan dan kebesaran. (SMs. 64)	Manakala novel <i>Tivi</i> pula, Mat Isa diberi watak sebagai ketua keluarga yang menentukan situasi di dalam rumah yang lebih bersifat demokratik. Watak Mat Isa berbincang dengan isterinya serta menyelitkan juga pandangan dari anaknya mengenai televisyen yang telah dibeli. Waktu itu Mat Isa menjerit kepada Jeha meminta cari apa saja yang boleh lapik. Carilah. Jeha naik gelabah. "Cepat! TV ini bukan ringan!" jerit Mat Isa. "Apa dia? Nak lapik denga napa?" tanya Jeha yang sudah pun terpa sana terpa sini, cuba sambar apa yang patut disambar. 'Itu haa! Ambil saja sejadah itu buat pelapik!' Mat Isa menjerit sebab dia sedang ampu TV yang besar. (TB5Ms. 67)	Dalam novel <i>Kemelut</i>, perbincangan antara penduduk telah menawarkan satu situasi di mana pemimpin laissez-faire telah memberikan kebebasan untuk menyuarakan pendapat bagi menyelesaikan kemelut yang sedang mereka hadapi. "Kita kena jumpa orang atas lagi." Tobeng terus memberitahu. "D.O. lagi?" Soal Pak Osman. "Tapi D.O. tak berbuat apa-apa. Dah pun masuk tiga bulan kita tunggu. Kilang bedebah itu memancut air juga ke dalam Sungai. Nak mudik sekarang pun puas dayung." (KB10Ms. 110-111) "Kita cuba jumpa yang atas lagilah. Besok kita berempat kena menyeberang naik feri. Kita cuba cari jalan jumpa Ketua Menteri." (KB10Ms. 111)

Prinsip Penstafan dalam Novel Sampah, Tivi dan Kemelut

Prinsip penstafan ini agak rumit sedikit untuk dikenal pasti dalam ketiga-tiga novel tersebut. Prinsip ini boleh dicadangkan daripada dialog-dialog yang diungkapkan. Dialog-dialog tersebut adalah dikaji dengan terapan teori Semiotik.

Jadual 8

Prinsip Penstafan dalam Novel Sampah, Tivi dan Kemelut

Novel Sampah	Novel Tivi	Novel Kemelut
Dalam novel <i>Sampah</i>, etika polis memanggil agar 'Dia' dilepaskan dari penjara. Yang berkuasa yang bergelaran panggung kepala.	Dalam novel <i>Tivi</i>, agihan kerja untuk membersihkan kawasan rumah, memasak, menjaga lembu dan sebagainya boleh dikira sebagai sebahagian daripada prinsip penstafan. Ini adalah kerana agihan kerja	Dalam novel <i>Kemelut</i> pula, penduduk kampung telah bekerjasama dalam upacara pengebumian Kipli iaitu anak tunggal Pak Husin dan Mak Leha.

(bersambung)

Novel Sampah	Novel Tivi	Novel Kemelut
"Lepaskan dia! Lepaskan dia!" tempiknya. "Ya, tuan. Ya, tuan." (SMs. 61) Petikan ini jelas menunjukkan terdapat staf atau orang bawahan yang dibeli tugas untuk melepaskan 'Dia'.	tersebut adalah sesuai dengan kemampuan dan kemahiran yang diperlukan oleh watak-watak dalam novel Tivi. <i>Hari itu Jeha sibuk juga. Dia tanam sulam halia dan lengkuas di sekeliling telaga. Telaga itu sudah pun dilanyau dan airnya memang jernih pun. Dan, sejuk pula airnya bukan main lagi sebab airnya air bukit. Air bukit memang jernih sebab sebab tanahnya gembur dan berpasir halus. Air yang tiba di telaga itu sudah pun ditapis dengan tanah dan pasir.</i> (TB5Ms.50) <i>Memang Hassan pun tak pergi ke sekolah hari Jumaat itu.</i> (TB5Ms.52) <i>Waktu itu Hasanah, seperti biasa, berada di dapur membuat apa-apa yang patut sesudah semuanya sarapan. Pagi itu, dia Cuma masak masakan yang mudah-mudah saja. Dia goreng nasi semalam campur sedikit dengan daun kucai yang sudah naik merah.</i> (TB5Ms.53)	<i>Seperti biasa, pengebumian anak sulung sebatang kara Pak Husin dan Mak Leha selesai jam satu tengahari. Pak Husin dan Mak Leha tidak berbuat apa-apa, tidak memberi perintah apa-apa. Segalanya diuruskan oleh seluruh anggota Kuala Indah Permai. Baik papannya, kainnya, sedekahnya, sembahyangnya, mandinya, usungnya dan lain-lain. Nampak Razali dan Kudin sibuk ke sana sini mengurus sesuatu.</i> (KB11Ms.116)

Prinsip Kawalan dalam Novel *Sampah*, *Tivi* dan *Kemelut*

Prinsip kawalan dalam ketiga-tiga novel ini berpaksikan kepada norma-norma kehidupan. Ianya bererti apa yang diterima sebagai 'biasa' dalam masyarakat dan kehidupan secara amnya. Ini adalah kerana prinsip kawalan haruslah terdapat aspek perbandingan antara matlamat atau objektif organisasi dengan hasil dapatan daripada aktiviti organisasi itu sendiri. Memandangkan novel-novel tersebut adalah sebuah pentas kehidupan maka perbandingan untuk memenuhi prinsip kawalan ini dibuat secara membandingkan matlamat atau garis-garis panduan dalam kehidupan masyarakat dengan aktiviti atau bagaimana kehidupan itu sendiri dijalankan.

Jadual 9

Prinsip Kawalan dalam Novel Sampah, Tivi dan Kemelut

Novel <i>Sampah</i>	Novel <i>Tivi</i>	Novel <i>Kemelut</i>
Novel <i>Sampah</i> telah memaparkan bagaimana seorang pengemis ‘Dia’ telah dipinggirkan oleh jurang sosial ekonomi. ‘Dia’ terperangkap dalam dunia pengemis kerana sejak kecil lagi dia tinggal bersama ibunya (telah meninggal) yang juga seorang pengemis. Kerana keadaannya yang daif, maka prinsip kawalan dari masyarakat sekeliling telah diguna pakai yang mana golongan pengemis ini tidak mencapai piawaian sebagai individu yang mempunyai status kehidupan dan sosioekonomi yang setara. “Itu undang-undang mereka. Dia boleh berlawan kalau mereka mahu. Dia boleh berperang kalau mereka mahu. Dia boleh membunuh kalau mereka mahu. Biar. Biar kali ini aku patuh peraturan mereka kalau mereka sulit membenarkan aku cipta daerahku sendiri.” (SMs.55)	Begitu juga dengan naratif dalam <i>Tivi</i>, akibat telalu taksub dengan televisyen, keluarga Mat Isa telah tidak lagi bermasyarakat. Mat Isa tidak lagi pergi ke surau. Binatang ternakan yang dibiarkan merosak kebun jiran tetangga dan kenduri kendara dalam komuniti kampung juga tidak lagi dihadiri. Maka prinsip kawalan dalam novel ini membayangkan kegagalan dari pihak keluarga Mat Isa dalam mencapai keharmonian bermasyarakat. <i>Kenduri-kendara pun Mat Isa jarang-jarang nampak. Dahulu Mat Isa dikenali dengan basikal tuanya itulah. Ada basikal tua itu ada jugalah Mat Isa. Kalau kenduri, Mat Isa sehari dua sudah datang untuk menolong itu ini. Kalau sembelih kerbau lembu, Mat Isalah tukang lapahnya. Tetapi, sekarang ini Mat Isa sudah tak ada lagi.”</i> (TB6Ms.94) <i>Mat Isa dan Jeha sekarang ini macam sepasang kera sumbang saja. Tak lagi bermasyarakat.</i> (TB6Ms.95)	Lain pula pelaksanaan prinsip kawalan dalam novel <i>Kemelut</i>. Prinsip kawalan ini berkaitan dengan keadaan alam sekitar. Dahulu keadaan alam sekitar Sg. Indah Permai adalah sangat bersih dengan ikan yang berbagai membiak dan menghuni kawasan tersebut. Nelayan mudah memperoleh rezeki apabila memancing di situ. Namun akibat pembinaan kilang-kilang di sekitar kawasan tersebut, pencemaran alam sekitar telah berlaku dan banyak ikan telah mati dan kawasan tersebut tidak lagi mendatangkan hasil tangkapan yang baik. <i>Mereka tidak pernah menangkap jauh; paling jauh tiga suku batu dari Pantai. Itu pun paling jauh. Biasanya setengah batu. Dan kerapnya berlengkar di pintu kuala ini saja. Jenuhnya ikan di pintu kuala berbagai macam. Senangin. Kerapu. Sumpit. Puput. Loban. Talang. Tiruk. Jenahar. Bagok, Goh. Jangis dan berbagai lagi.</i> (KB2Ms.12) “This is very sensitive issue. Concerning pollution and the battle for survival by Kuala Indah Permai. Can you please fix a date with our MP.” (KB9Ms.92)

KESIMPULAN

Kajian ini telah menganalisis bagaimana Shahnnon Ahmad memanfaatkan naratif teknologi sebagai medan kritikan sosial dan ideologi dalam karya-karyanya. Pendekatan pengurusan dalam kritikan sastera menawarkan perspektif unik untuk memahami karya melalui prinsip pengurusan. Ianya juga

adalah pendekatan yang sistematik untuk memahami karya sastera dari perspektif interdisiplin. Ia memberikan peluang untuk menghubungkan sastera dengan kehidupan nyata melalui prinsip pengurusan seperti perancangan, pengorganisasian, kepimpinan, penstafan dan kawalan. Dengan pendekatan ini, sastera Melayu dapat dianalisis dengan mendalam, meningkatkan apresiasi terhadap warisan budaya dan nilai-nilai yang terkandung dalam karya sastera. Kajian telah mengintegrasikan analisis naratif, semiotik dan pendekatan pengurusan teknologi bagi menilai secara kritis bagaimana teknologi difungsikan bukan sekadar sebagai alat fizikal, tetapi sebagai penanda nilai, simbol kuasa dan medium pembentukan kesedaran sosial dalam masyarakat Melayu.

Kajian telah menunjukkan bahawa ketiga-tiga novel mengangkat naratif masyarakat terpinggir yang berdepan tekanan pembangunan dan perubahan teknologi dalam konteks yang berbeza.

- *Sampah* menampilkan realiti masyarakat bandar yang terperangkap dalam kemiskinan dan pengabaian sistemik,
- *Kemelut* menggambarkan konflik komuniti nelayan yang terhimpit oleh struktur birokrasi dan pembangunan industri,
- *Tivi* memfokuskan kesan teknologi media terhadap institusi keluarga.

Kajian telah memperlihatkan persamaan dari segi peranan teknologi sebagai pencetus konflik nilai, ketidakseimbangan kuasa dan gangguan terhadap kesejahteraan manusia. Kajian telah menunjukkan bahawa teknologi dalam karya Shahnnon Ahmad berfungsi sebagai elemen naratif yang memacu konflik dan perubahan sosial.

Kajian telah mendapati teknologi dalam ketiga-tiga novel beroperasi sebagai sistem tanda yang membawa makna berlapis pada tahap denotatif, konotatif dan mitos. Objek seperti sampah, sistem birokrasi dan televisyen bukan sekadar unsur latar, sebaliknya menjadi lambang kepada krisis nilai, dominasi kuasa dan ideologi moden.

- *Sampah* menampilkan sampah sebagai simbol sisa pembangunan dan kemerosotan nilai kemanusiaan,
- *Kemelut* menzahirkan teknologi pengurusan dan pembangunan sebagai tanda ketidakadilan serta kerakusan kapitalisme
- *Tivi* menjadikan televisyen sebagai simbol dominasi budaya hiburan dan pembentukan ideologi massa.

Kajian ini menegaskan bahawa sastera berfungsi sebagai wahana kritikan sosial yang berupaya mendedahkan implikasi teknologi terhadap struktur masyarakat serta membentuk kesedaran moral pembaca. Selain itu, kajian ini menekankan kepentingan pengurusan teknologi dalam menentukan kesan sosial teknologi terhadap manusia. Berdasarkan penerapan pendekatan pengurusan teknologi oleh Mohammad Mokhtar Abu Hassan, kajian ini mengenal pasti tiga pola utama pengurusan teknologi yang dipaparkan dalam novel-novel kajian, iaitu pengurusan yang tidak cekap, tidak beretika dan tidak terkawal.

- *Sampah* memperlihatkan kegagalan pengurusan teknologi bandar yang tidak responsif terhadap keperluan golongan bawahan,
- *Kemelut* menonjolkan pengurusan pembangunan yang tidak beretika dan menindas komuniti nelayan,
- *Tivi* menggambarkan pengurusan teknologi domestik yang longgar sehingga menggugat keharmonian keluarga.

Kajian ini menunjukkan bahawa kesemua pola tersebut menegaskan teknologi bukanlah punca utama permasalahan sosial; sebaliknya kegagalan manusia mengurus teknologi secara adil dan beretika merupakan faktor utama berlakunya ketidaktenteraman sosial.

Melalui pendekatan semiotik Roland Barthes, didapati bahawa teknologi dalam ketiga-tiga teks bukan sekadar unsur latar atau peralatan moden, tetapi berperanan sebagai tanda (*sign*) yang sarat dengan makna tersirat dan mitos ideologikal yang mempengaruhi pemikiran masyarakat. Dalam novel *Sampah*, teknologi pembangunan ditafsir sebagai sistem yang menghapuskan nilai kemanusiaan golongan miskin, melalui watak 'Dia' yang diposisikan sebagai 'sampah' oleh wacana pembangunan. Dalam *Tivi*, teknologi media seperti televisyen dimitoskan sebagai alat kemajuan, tetapi sebenarnya membawa kelalaian dan keretakan institusi keluarga. Sementara itu, dalam *Kemelut*, teknologi dilihat sebagai agen luar yang mengganggu kestabilan budaya kampung dan menimbulkan krisis identiti dalam masyarakat Melayu. Teknologi juga telah memusnahkan alam sekitar dengan pencemaran yang boleh membawa kepada maut.

Secara keseluruhannya, kajian ini membuktikan bahawa Shahnon Ahmad menggunakan teknologi sebagai alat naratif dan ideologi untuk mengkritik penindasan struktur, peminggiran budaya dan kemunafikan wacana pembangunan moden. Analisis semiotik membolehkan pembacaan yang lebih mendalam terhadap makna simbolik dan mitos tersembunyi di sebalik naratif teknologi. Dengan itu, kajian ini menekankan pentingnya pengurusan teknologi yang bukan sahaja bersifat teknikal tetapi juga beretika dan berakar pada nilai-nilai sosiobudaya setempat. Teknologi yang tidak dikawal dengan nilai dan makna akan terus menjadi alat penindasan baharu yang membungkus penindasan dalam retorik kemajuan.

PENGHARGAAN

Artikel ini disediakan sebagai salah satu syarat penerbitan jurnal untuk kelulusan pengajian kedoktoran daripada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

SUMBANGAN PENGARANG

Kesemua bahagian dalam penulisan ini dihasilkan secara bersama oleh ketiga-tiga penulis makalah.

PERISYTIHARAN KONFLIK KEPENTINGAN

Pengkaji membuat pengakuan bahawa tiada pertindihan kepentingan dalam penghasilan artikel ini.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian tersedia dalam makalah ini.

RUJUKAN

- Abu Bakar Abdul Hamid. (1997). *Diskusi sastra: Kesusasteraan moden*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Amran. (2002, December 28). *Pengurusan* [Kertas kerja dibentangkan dalam Bengkel Pengurusan]. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Andrew F. Sikula. (1999). *Personnel administration and human resources management*. John Wiley & Sons.
- Azman Che Omar. (2003). *Pengurusan di Malaysia dari perspektif Islam*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Barthes, R. (1977). *Image, music, text* (S. Heath, Trans.). Hill and Wang. (Original work published 1977).
- Barthes, R. (1989). *The rustle of language*. University of California Press.
- Beden, S. (2018). Perancangan bestari dalam *Hikayat Khoja Maimun*: Aplikasi prinsip perancangan dalam pendekatan pengurusan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8(2), 1–10. <https://jurnalmelayu.my/jurnal/index.php/JPBM/article/view/839>
- Berniker, E. (1987, June). *Understanding technical systems* [Paper presentation]. Symposium on Management Training Programs: Implications of New Technologies, Geneva, Switzerland.
- Che Wan Jasimah Wan Mohamed Radzi, & Osman Bakar. (1996). Teknologi menurut perspektif Barat dan Islam. *Jurnal Usuluddin*, 3, 147–155.
- Dessler, G. (2004). *Management: Principles and practice for tomorrow's leaders* (3rd ed.). Pearson Education.
- Fathin Noor Ain Ramli, Azhar Wahid, & Halim Ali, A. (2023). *Metode pengurusan sastra*. Persatuan Penulis Budiman Malaysia.
- Mohamad Zubir Ismail & Mohamad Mokhtar Hassan. (2017). Pendekatan pengurusan: Satu metode dalam dunia kritikan. *Jurnal Melayu*.
- Jaafar Muhamad. (1999). *Asas pengurusan*. Penerbit Fajar Bakti.
- Juhary Hj Ali, & Ishak Ismail. (2004). *Prinsip dan amalan pengurusan*. Universiti Utara Malaysia Press.
- Juraime, F., & Mohd Hamzah, M. I. (2023). Kepimpinan teknologi pengetua dalam pengurusan sekolah. *Proceedings of the 3rd Regional Conference on Educational Leadership and Management*, 324–334.
- Kamarudin Husin, & Siti Hajar Abdul Aziz. (1998). *Pengajian Melayu 4: Kesusasteraan dan pengajaran*. Kumpulan Budiman.
- Koontz, H., & Weihrich, H. (1997). *Pengurusan* (M. S. Mohd, Trans.). Dewan Bahasa dan Pustaka. (Original work published in English).
- Ladjaharun, H., & Musa, K. (2024). Kepimpinan teknologi pengetua guru besar dalam penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi di sekolah. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 11(4).
- Ladjaharun, H., & Musa, K. (2024). Memahami kepemimpinan teknologi dalam sektor pendidikan. *International Journal of Advanced Research in Education and Society*.
- Mohamad Mokhtar Abu Hassan. (2013). Pendekatan pengurusan: Satu metode dalam kritikan sastra. *Jurnal Melayu*.
- Mohamad Mokhtar Abu Hassan. (2023). Sejarah, definisi, konsep dan prinsip pendekatan pengurusan. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 13(1), 1–10.
- Mohamad Zuber Ismail, Beden, S., & Mohamad Mokhtar Abu Hassan. (2014). *Prinsip perancangan: Penelitian berdasarkan cerita-cerita rakyat*. Prosiding International Conference in Commemoration of the 50th Anniversary of the Department of Malay-Indonesian Studies, Hankuk University of Foreign Studies.

- Nofia, V. S. S., & Bustam, M. R. (2022). Analisis semiotika Roland Barthes pada sampul buku *Five Little Pigs* karya Agatha Christie. *Mahadaya: Jurnal Bahasa, Sastra, dan Budaya*, 2(2), 143–156.
- Norsaliza Mohd Shuhaini. (2021). *Pengurusan intelek kanak-kanak berdasarkan prinsip kepimpinan dalam animasi Upin dan Ipin* (Tesis sarjana tidak diterbitkan). Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Rahman Shaari. (2001). *Bimbingan istilah sastra*. Utusan Publications.
- Rahman Shaari. (2001). *Pemikiran dan gaya pengarang*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shahnon Ahmad. (1974). *Sampah*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shahnon Ahmad. (1995). *Kemelut*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shahnon Ahmad. (1995). *Tivi*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sikula, A. F. (1999). *Personnel and human resource management* (6th ed.). Allyn & Bacon.
- Sobur, A. (2003). *Komunikasi dalam perspektif semiotik*. Remaja Rosdakarya.
- Tuan Rusmawati Raja Hassan, & Nooratikah Daud. (2023). Konflik wanita dalam cerpen-cerpen terpilih Mawar Safei. *Jurnal Melayu*, 22(1), 52–66.
- Wibisono, P., & Sari, Y. (2021). Analisis semiotika Roland Barthes dalam film *Bintang Ketjil* karya Wim Umboh dan Misbach Yusa Bira. *Jurnal Ilmu Komunikasi*.